

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

- PERTANYAAN : Lisan**  
**DARIPADA : Ustaz Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus]**  
**TARIKH : 28 Oktober 2014**  
**SOALAN : Ustaz Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sasaran yang telah dicapai oleh NATC untuk melahirkan usahawan belia dalam industri padi negara.**  
**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di Pertua,**

MADA Rice Training Center (MRTC) ditubuhkan pada Januari 2013 bagi melahirkan usahawan belia dalam industri padi Negara. Pendekatan yang digunakan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dalam melahirkan usahawan belia dalam industri padi adalah melalui kurikulum pembelajaran yang bersepadu dan menyeluruh melibatkan aktiviti penanaman, pengurusan dan pengendalian peralatan mekanisasi di peringkat ladang kepada pelatih MRTC. Pakej pengajian yang bersepadu dan menyeluruh ini diyakini mampu melengkapkan pelatih sebagai usahawan padi yang berdaya saing apabila mereka tamat pengajian dan menceburkan diri sebagai usahawan dalam industri padi Negara.

Sehingga kini seramai 25 orang belia telah berjaya menamatkan pengajian di MRTC. Adalah dijangkakan menerusi modul kurikulum dan latihan kemahiran yang diberikan sepanjang tempoh pengajian, setiap pelatih mampu mengembangkan minat dan kemahiran yang diperolehi semasa di MRTC untuk berjaya sebagai usahawan dalam sektor padi.

Berdasarkan kemampuan untuk menampung kapasiti pelatih di MRTC, MADA mensasarkan 25 pelatih dibangunkan sebagai usahawan belia dalam sektor padi setiap tahun.

Selain daripada itu, bilangan usahawan belia padi dalam kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) terdiri dari golongan belia yang berumur kurang dari 40 tahun dan mengusahakan tanaman padi melebihi 4 hektar (10 ekar). Pendekatan KADA adalah mengeluarkan usahawan belia yang berpengetahuan dan berteknologi moden bagi membangunkan industri padi Negara. Bilangan usahawan yang disasarkan oleh KADA sehingga tahun 2020 adalah seramai 500 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 28 OKTOBER 2014  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DR. HAJI IZANI BIN HAJI HUSIN [ PENGKALAN CHEPA ]** minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan sejauh manakah sambutan sektor industri terhadap Konsep Ekologi Perindustrian yang bakal diwujudkan di bawah Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA).

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kepesatan industrialisasi di Malaysia memerlukan pendekatan yang lebih holistik terhadap pengurusan sisa pepejal perindustrian. Seajar dengan usaha kerajaan dalam memartabatkan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020, Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (PPSPPA) secara berperingkat-peringkat memberi tumpuan kepada satu lagi strategi pengurusan sisa pepejal mampan, iaitu memperkenalkan konsep ekologi perindustrian kepada sektor industri. Usaha ini adalah untuk mengerakkan industri ke arah mengamalkan pengurusan sisa secara lebih efisien dan meningkatkan pemerolehan semula bahan mentah dan tenaga.

Konsep ekologi industri mengambil pendekatan di mana sisa yang dihasilkan daripada satu proses yang lain boleh dijadikan sumber bahan mentah bagi proses pembuatan yang lain. Melalui kaedah ini, interaksi yang positif dengan alam sekitar dapat diwujudkan dan kitaran sumber semulajadi akan lebih tertutup.

Berikutan daripada pengumuman saya mengenai konsep ini pada 14 Ogos yang lalu, iaitu sempena pelancaran Pelan Tindakan Komprehensif Pengurusan Sisa Pepejal, satu taklimat telah disampaikan pada M4 September 2014 kepada Exco Kerajaan Negeri Kedah bagi pelaksanaan konsep ini di negeri Kedah. Maklum balas yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Kedah amatlah positif dan bersedia bekerjasama untuk menjalankan kajian di Kulim Hi-Tech bagi mengenal pasti sama ada konsep *eko-town* adalah bersesuaian atau tidak untuk dilaksanakan di kawasan perindustrian sedia ada. Antara kajian yang akan dilaksanakan ialah kajian terhadap aktiviti yang dijalankan di setiap kilang, sumber bahan mentah yang diperlukan, sisa pengeluaran yang dihasilkan serta kuantiti masing-masing. Sekiranya hasil kajian ini didapati sesuai untuk dilaksanakan di Kulim High-Tech, satu pelan tindakan akan dibangunkan. Melalui projek perintis di Kulim High-Tech ini juga, ia akan diperluaskan lagi di kawasan-kawasan industri yang lain. Beberapa Kerajaan Negeri lain akan digalakkan untuk bekerjasama bagi membangunkan projek berkonsepkan eko-industri.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Oktober 2014